

11 OCT 2000

LANGKAWI TANAM LEBIH 600 POKOK

LANGKAWI, 11 Okt (Bernama) -- Langkawi akan menanam lebih 600 pokok untuk turut serta dalam percubaan untuk menanam 100,000 pokok di seluruh negara dalam masa satu minit pada Ahad ini untuk disenaraikan dalam Guinness Book of Records.

Pegawai Daerah Ismail Hamid akan mengetuai usaha itu pada satu majlis di kawasan lapang berdekatan lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat dan di lima sekolah di sini.

Selaras dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara taman pada tahun 2005, penanaman Pokok Milenium untuk Hari Habitat Sedunia dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Taman Bukit Jalil di Kuala Lumpur pada pukul 9.30 pagi pada hari berkenaan.

Timbalan Yang Di Pertua Majlis Daerah Langkawi Mansor Ismail berkata di sini hari ini lebih 30 jenis pokok termasuk pintagor laut, saga, pulai dan tapak kuda akan ditanam sebagai sebahagian daripada projek pengindahan dan landskap.

Pokok-pokok itu akan ditanam oleh pemimpin masyarakat, ketua-ketua jabatan, ketua kampung dan pelajar sekolah pada waktu yang sama Ahad ini, katanya.

Katanya usaha itu dapat menggalakkan penduduk di sini menanam pokok bagi mengindahkan kawasan masing-masing untuk menarik pelancong sesuai dengan status Langkawi sebagai pulau peranginan.

-- BERNAMA

ZI NH AKD